

## **Analisis Kecenderungan Penyalahgunaan Bahan dan Peranan Faktor Keagamaan: Kajian Kes Terhadap Belia di Sebuah IPTA**

KHAIDZIR HJ. ISMAIL, KHAIRIL ANWAR & HANINA H.  
HAMSAN

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan mengenalpasti kecenderungan penyalahgunaan bahan dalam kalangan pelajar tahun pertama di salah sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Responden terdiri daripada 1000 orang pelajar berumur antara 18 hingga 23 tahun. Tahap kecenderungan penyalahgunaan bahan telah diukur menggunakan alat pengukuran psikologi SASSI-2 (Substance Abuse Subtle Screening) yang terdiri daripada lapan subskala, iaitu: Family friends risk, Attitude, symptom, obvious attributes, subtle attributes, defensiveness, supplemental addiction measure dan correctional. Menerusi hasil psikometrik Skala SASSI-2, terdapat seramai 21 orang pelajar terbabit dalam penyalahgunaan bahan (SAD) dan sembilan orang pelajar telah dikenalpasti berada pada tahap kebergantungan dengan bahan (SDD). Selain itu, seramai 793 pelajar dikenalpasti memiliki potensi untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan (tahap kebarangkalian yang rendah untuk SAD) dan seramai 177 pelajar bebas dari keterlibatan ini. Dalam mengenalpasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan penyalahgunaan bahan dalam kalangan responden, analisis regresi menunjukkan sumbangan faktor keagamaan terhadap kesemua subskala pengukuran SASSI-2. Dapatan kajian ini mencadangkan program pencegahan terapi spiritual mental-kognitif dan psiko-sosial terhadap subjek yang berpotensi untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan serta program intervensi terapi mental-kognitif dan psiko-sosial yang disertakan dengan terapi klinikal bio-fizikal dan bio-psikologikal bagi subjek yang berada pada tahap SAD dan SDD.*

**Kata kunci:** pengukuran psikometrik, belia, penyalahgunaan bahan, keagamaan

### **ABSTRACT**

*This study aimed to identify the likelihood of substance abuse among*

*the first-year students at one institution of higher learning in Malaysia. The participants were 1,000 students aged between 18 to 23 years. The substance abuse likelihood was measured using a psychological measure SASSI-2 (Substance Abuse Subtle Screening), which consists of eight sub scale, namely: Family Friends Risk, Attitude, Symptoms, Obvious Attributes, Subtle Attributes, Defensiveness, Supplemental Addiction and Correctional Measure. Through the results of psychometric scale SASSI-2, there were 21 students involved in substance abuse (SAD) and nine students have been identified to be at the level of substance dependence (SDD). In addition, a total of 793 students had fear identified as having the potential to be involved with substance abuse (Low probability particularly SAD) and a total of 177 students is free of involvement. In identifying factors that influence the likelihood of substance abuse among the respondents, the regression analysis showed the contribution of religious factors on the measurement of SASSI-2. These findings suggest a spiritual program of prevention of mental-cognitive therapy and psycho-social for subjects who are at the level of low probability particularly SAD and intervention programs mental-cognitive therapy and psycho-social therapy are accompanied by clinical bio-physical and bio-psychological to the subject who is at the level of SAD and SDD.*

**Keywords:** *Psychometric measurement, youth, substance abuse, religiosity*

## PENGENALAN

Isu belia dan gejala sosial bukanlah suatu permasalahan baru dalam masyarakat. Bahkan, isu ini juga merupakan isu global yang sentiasa dibincang dan dibahas oleh para pemimpin dunia dalam mencari formula menanganinya. Salah satu masalah sosial dalam kalangan belia yang agak meruncing adalah penyalahgunaan dadah. Penyalahgunaan dadah yang berleluasa ini telah menimbulkan satu masalah besar kepada negara. Setiap tahun bilangan penagih kian bertambah. Pihak kerajaan telah berusaha keras untuk menangani masalah ini yang kini telah menjadi satu agenda utama negara untuk membasminya. Sehubungan dengan itu, kita juga sedia maklum dengan kesan buruk akibat dari pengambilan dadah ini iaitu satu penyakit 'kronik' yang dikenali sebagai HIV (*Human Immunodeficiency Virus*) dan AIDS (*Acquired Immune Deficiency Syndrome*).

Di Malaysia, penyalahgunaan dadah bukan satu persoalan baru. Ia telah menjadi satu ancaman bukan sahaja kepada individu atau keluarga, malah turut menjadi satu masalah besar kepada negara (Syed Amin 1995; Mahmood 1999; Abdul Ghafar 1992; Ruslina 2004). Masalah dadah lebih ganas daripada putaran kemiskinan. Ia mengancam secara berantai bermula dari penyeludupan dan pengedaran, kemudian membawa kepada penyalahgunaan dan seterusnya penagihan dadah. Jika dilihat isu penyalahgunaan dadah yang melanda dunia khususnya negara barat pada hari ini sangat kritikal. Peningkatan kes penyalahgunaan dan penagihan dadah setiap tahun menuntut pelbagai usaha untuk memerangi gejala ini yang sememangnya berhadapan dengan dugaan dan cabaran yang begitu hebat. Apa yang lebih malang pada masa ini ialah fenomena keterlibatan pelajar pengajian tinggi sebagai penyumbang utama kepada penagihan dadah peringkat IPT sepanjang 2002 hingga Julai 2008. Penglibatan pelajar IPT ini adalah mencerminkan peranan dunia pendidikan dalam mencegah dan menangani masalah dadah ini sangat diperlukan. Salah satu yang terpenting adalah peningkatan tahap mental kognitif keagamaan di setiap bidang keilmuan, sebagai program asas yang harus diterapkan oleh seluruh IPT yang ada di negara ini (IPPB, 2008; AADK, 2008).

### **Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah**

Istilah ‘dadah’ diiktiraf sebagai ubat-ubatan. Dadah juga merupakan sebarang bahan sama ada asli atau tiruan yang boleh mengubah cara bekerja badan dan otak kita. Dadah yang berasal daripada bahan asli yang mana ianya berasal daripada tumbuh-tumbuhan. Misalnya, heroin yang datang daripada getah bunga popi. Heroin boleh juga dicipta di dalam makmal sebagai dadah tiruan atau dikenali sebagai dadah sintetik. Dadah sintetik mempunyai kesan yang sama dengan dadah asli (Kamus Dewan, 2000).

Mengikut Webster’s Third New International Dictionary, dadah ialah: *‘something used in dying or chemical operation, or substance used as a medicine or in making medicines for internal or external use’* (Webster 1969). Selain itu, dadah didefinisikan sebagai: *“.....any chemical substances that alter mood, perception or consciousness and is misused, to the apparent detriment of society”* (Weaver 1970 dalam Mahmood Nazar Mohamed, 2005).

Manakala penyalahgunaan merupakan aktiviti atau kegiatan yang dilakukan tidak mengikut kegunaan sebenar. Dalam hal ini penyalahgunaan dadah adalah satu perkataan yang sering dipakai oleh masyarakat umum terhadap penagih dadah. Kini aktiviti penagihan dadah semakin bertambah dengan pesat dalam masa singkat, oleh itu ianya menjadi satu masalah kepada negara pula. Perkara ini tidak ada penyelesaian yang mudah terhadap masalah yang sebegitu kompleks (Lindesmith 1968 dalam Abdullah Al-Hadi & Iran Herman, 1992 ).

Penyalahgunaan dadah dalam kajian ini bermaksud: pelajar yang berpotensi terlibat dengan penyalahgunaan dadah boleh menjejaskan perhubungan pelajar dengan pelajar yang lain, para pensyarah, rakan sebaya dan ibubapa. Pelajar yang berpotensi terlibat dengan penyalahgunaan dadah boleh mendatangkan keburukan kepada kesihatan pelajar dan/atau hingga boleh membahayakan pelajar yang lain, para pensyarah, rakan sebaya dan ibubapa mereka.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Penyalahgunaan bahan tidak hanya terbatas kepada kajian perubatan dan perundangan sahaja. Namun kajian-kajian sains sosial dan keagamaan juga meletakkan fokus penyalahgunaan bahan dalam kalangan belia pada tempat yang paling besar peranannya, terutama dari sudut pandang psikologi. Dari sudut pandang ini paling tidak melalui dua tahap, iaitu tahap pertama melalui kaji selidik dengan sesebuah alat pengukuran psikologi (psikometrik) dan dilanjutkan dengan tahap kedua iaitu melalui program intervensi. Manakala dari sudut pandang perubatan pula adalah melalui dua tahap. Tahap pertama melalui ujian makmal, sama ada ujian darah atau air kencing (*laboratory testing*) dan tahap kedua melalui laporan sendiri (Winters, Latimer & Stinchfield, 2002).

Dengan menggunakan pendekatan psikometrik untuk penyelidikan penyalahgunaan bahan telah digunakan berbagai alat pengukuran. Di antaranya ialah alat ukuran saringan yang pernah digunakan seperti yang disenaraikan oleh Winters, Latimer dan Stinchfield (2002) seperti: 1). *Adolescent Alcohol Involvement Scale (AAIS)*. Pengukuran AAIS dibina oleh Mayer dan Filstead (1979). Pengukuran ini menguji kekerapan

dan pola penggunaan alcohol di kalangan remaja, 2). *Adolescent Drinking index (ADi)* dibina oleh Harrell & Wirtz (1989). Alat ini juga difokuskan tentang masalah alcohol di kalangan remaja, 3). *Adolescent Drug Involvement Scale (ADIS)* dibina oleh Moberg & Hahn (1991). Alat ini adalah modifikasi dari alat pengukuran AAIS yang ditujukan tentang penggunaan dadah dalam tahap tinggi, 4). *Drug Abuse Screening Test For Adolescents (DAST-A)* yang dibina oleh Martino, Grilo, dan Fehon (2000), 5). *Drug Use Screening Inventory-Revised (DUSI-R)*. Pengukuran ini cuba menentukan tahap dan akibat dari penggunaan dadah, dan 6). SASSI-2 lanjutan daripada *Substance Abuse Subtle Screening Inventory (SASSI)* versi remaja yang dibina oleh Miller (1985) yang mengukur *defensiveness, face valid alcohol, face valid other drug, obvious attributes, and subtle attributes* (Myerholtz & Harold, 1998; Herrmann, 2001).

Sehubungan itu, kajian ini telah menggunakan salah satu alat pengukuran psikometrik seperti yang tersenarai di atas iaitu alat psikometrik SASSI-2 untuk mengenal pasti penyalahgunaan bahan. Alat pengukuran SASSI-2 terdiri dari 72 item bagi mengukur lapan (8) subskala yang berhubungan dengan pengambilan bahan. Kesemua subskala tersebut adalah seperti berikut:

- a. *Family-Friends Risk* adalah suatu konsep tentang pengambilan bahan yang dipengaruhi oleh keluarga dan kawan-kawan.
- b. *Attitudes* adalah suatu konsep sikap yang ada dalam fikiran tentang baik dan buruknya pengambilan bahan.
- c. *Symptoms* adalah penyebab dan hal-hal umum yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan.
- d. *Obvious attributes* adalah skala yang menunjukkan tahap kelansangan seseorang (*impulsiveness, low tolerance for frustration and impatience*) yang akan menjurus atau cenderung kepada penyalahgunaan bahan.
- e. *Subtle attributes* adalah suatu skala yang tidak berhubungan langsung dengan pengambilan bahan. Secara psikologi skala ini mengukur sifat dalaman manusia.
- f. *Defensiveness* adalah secara leksikal bermakna mempertahankan diri, dan secara kontekstual dalam skala SASSI adalah keinginan seseorang untuk mengakui sesebuah masalah yang terjadi dan berusaha untuk mengatasi semampunya.

- g. *Supplemental addiction measure* adalah skala yang bertujuan memprediksi apakah seseorang sama ada memiliki *defensiveness* atau mudah untuk melakukan pengambilan bahan.
- h. *Correctional* adalah skala yang direka untuk menjangkakan keterlibatan seseorang dalam pelanggaran undang undang di masa hadapan.

Kajian ini telah menghubungkan faktor keagamaan dengan gejala penyalahgunaan bahan. Ini kerana faktor agama adalah suatu penanda aras yang sangat penting berdasarkan tinjauan kajian lepas yang banyak menggunakan faktor ini dan kaitannya dengan tingkahlaku penyalahgunaan bahan. Dapatan kajian menunjukkan tren bahawa keagamaan berperanan sebagai daya kawalan dalaman yang sangat utama untuk mengelak dari tingkah laku penyalahgunaan bahan (Nik Mohd. Zaini, 1991; Paulo Dalgarrondi et al, 1998; Nazrul, 2000 & Merrill Ray M et al, 2001). Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Melissa, Eric, Gary, Erin dan Audrey (2004) yang mendapati terdapat hubungan signifikan di antara keagamaan dan masalah alkohol dan penyalahgunaan dadah. Impak keagamaan ke atas pencegahan penyalahgunaan dadah dan alkohol juga telah direkodkan. Pusat Penagihan dan Penyalahgunaan Bahan Kebangsaan Universiti Columbia (2001) ataupun *The National Center on Addiction and Substance Abuse at Columbia University (CASA)* menemui bahawa agama dan kerohanian mempunyai potensi yang sangat besar untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan bahan di kalangan bahan di kalangan remaja dan orang dewasa, dan apabila digabungkan dengan rawatan profesional untuk pemulihan (Kasmini Kassim et.al, 2002).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian lapangan dengan menggunakan satu set soal selidik, iaitu alat pengukuran SASSI-2 yang direka oleh Dr. Glenn A. Miller (1997). Alat ini terdiri dari 72 item dengan lapan (8) subskala, sebagai alat untuk mengesan “potensi awal penyalahgunaan dadah”. Soal selidik ini memiliki skala antara lain *face valid alcohol, face valid others drug, family friens risk, attitude, symptom, obvious attributes, subtle attributes, defensiveness, supplemental addiction measure* dan *correctional*. Untuk mengukur tahap keagamaan pula digunakan alat ujian yang menilai

pengamalan ajaran agama pelajar. Alat kajian ini diperolehi daripada Asmahan Mokhtar (2008) dan telah diubahsuai mengikut kehendak kajian. Ia bertujuan mengukur tahap pengamalan dan penghayatan agama dalam kalangan belia IPTA mengikut kepercayaan masing-masing. Alat ujian ini mengandungi 15 item. Kajian ini dijalankan di salah sebuah IPTA di Malaysia dengan sampel kajian dipilih secara rawak ke atas 1000 pelajar baru prasiswazah tahun pertama kemasukan 2009/2010. Soal selidik ditadbir secara berperingkat di setiap kolej. Kesemua data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi melalui bantuan perisian SPSS versi 16.

### DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif telah memperihalkan jumlah responden yang telah melalui ujian psikometrik ini dengan empat kategori, seperti dalam jadual berikut ini :

**Jadual 1: Pemerihalan hasil ujian psikometrik SASSI-2**

No	Kategori hasil ujian psikometrik	Kekerapan	(%)
1	Kebergantungan dengan bahan ( <i>substance dependence disorder - SDD</i> ).	9	9
2	Penyalahgunaan bahan ( <i>substance Abuse disorder- SAD</i> )	21	21
3	Berpotensi untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan ( <i>Low probability particularly SAD</i> )	793	79.3
4	Bebas dari keterlibatan penyalahgunaan bahan ( <i>Low probability</i> )	177	17.7
	<b>Jumlah</b>	<b>1000</b>	<b>100</b>

Berdasarkan Jadual 1, didapati seramai 21 orang pelajar terbabit dalam penyalahgunaan bahan (SAD) dan 9 orang pelajar telah dikenalpasti kebergantungan dengan bahan (SDD). Selain itu, seramai 793 orang pelajar dikenalpasti memiliki potensi untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan (*Low probability particularly SAD*) dan seramai 177 orang pelajar bebas dari keterlibatan ini (*Low probability*).

Manakala hubungkait antara setiap subskala SASSI-2 dengan pembolehubah keagamaan ditunjukkan dalam Jadual 2. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan dengan 8 skala pengukuran SASSI-2 dengan keagamaan.

**Jadual 2. Hubungan antara keagamaan dengan skala pengukuran SASSI-2**

Pembolehubah terikat	Keagamaan (pembolehubah bebas)	
	r	p
<i>Family-Friends Risk</i>	-.226	.000
<i>Attitude</i>	-.116	.001
<i>Symptoms</i>	-.160	.000
<i>Obvious Attributes</i>	-.136	.000
<i>Subtle Attributes</i>	-.266	.000
<i>Defensiveness</i>	.271	.000
<i>Supplemental Addiction Measure</i>	-.246	.000
<i>Correctional</i>	.344	.000

Data dalam Jadual 2 menunjukkan hubungan songsang yang signifikan antara keagamaan dengan skala *Family-Friends Risk* ( $r=-.226^{***}$ ), skala *attitude* ( $r=-.116^{***}$ ), skala *symptoms* ( $r=-.160^{***}$ ), skala *Obvious Attributes* ( $r=-.136^{***}$ ), skala *Subtle Attributes* ( $r=-.266^{***}$ ) dan skala *Supplemental Addiction Measure* ( $r=-.246^{***}$ ) dengan aras signifikansi  $k<0.05$ . Hubungan songsang ini membawa maksud bahawa semakin tinggi keagamaan, maka semakin berkurang gejala risiko pengaruh keluarga (*Family-Friends Risk*), sikap mudah mengambil bahan (*Attitudes*), gejala-gejala umum pengambilan bahan (*Symptoms*), kelansangan tingkahlaku yang menyebabkan pengambilan bahan (*Obvious attributes*), dorongan negatif dari dalam (*Subtle attributes*) dan gejala ambil mudah mengambil bahan (*Supplemental addiction measure*). Manakala keagamaan dalam Jadual 2 menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan skala *Defensiveness* dengan nilai  $r=.271^{**}$  dan skala *Correctional* dengan nilai  $r=.344^{***}$ . Hubungan yang positif ini memberi makna bahawa semakin tinggi keagamaan, maka semakin meningkat tahap daya tahan



untuk mengelak dari penyalahgunaan bahan (*Defensiveness*) dan tahap kesedaran peraturan dan perundangan yang berhubung dengan salah laku pengambilan bahan (*Correctional*).

## PERBINCANGAN

Dengan pendekatan psikometrik ini sedikit sebanyak dapat membantu lebih mendalam hasil uji makmal yang kadangkala responden memanipulasi air kencing. Selain itu, alat ini juga membantu untuk mengesan simptom adanya kecenderungan pengambilan bahan sejak awal lagi di kalangan belia muda.

Menerusi dapatan kajian dengan pendekatan psikometrik ini, dari Jadual 1 di atas yang paling menarik untuk diperbincangkan adalah bilangan belia IPTA yang berpotensi untuk melakukan penyalahgunaan bahan mencapai bilangan 793 atau sekitar 79.3% dari jumlah 1000 orang responden. Walaupun pada ketika kajian dijalankan, mereka belum terlibat penyalahgunaan bahan, namun mereka mempunyai simptom kecenderungan untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Simptom ini adalah cerminan lemahnya kekuatan aspek-aspek persekitaran dan psikologi belia untuk menghindari sebarang jenayah khususnya penyalahgunaan bahan. Simptom ini juga menunjukkan terjadinya halangan komunikasi yang harmoni antara belia dengan orang dewasa yang berada di persekitarannya. Dalam erti lain, simptom ini adalah sebuah hasil interaksi belia dengan persekitaran sosialnya, sama ada di rumah, sekolah dan masyarakat umum. Ini kerana, sesuatu simptom tidak akan terjadi dengan sendirinya.

Adalah suatu kecuaiian serius sekiranya selama ini masyarakat beranggapan bahawa tingkahlaku kenakalan belia secara umumnya selalu diterangkan oleh para pakar psikologi berpunca dari masa transisi remaja, yang secara semula jadi mengalami fasa gelora tekanan. Padahal ia bukan berpunca dari gejala yang seperti dimaksudkan tersebut. Gelora tekanan adalah ciri manusia yang tidak terkesan dalam diri dengan satu-satunya pembolehubah mutlak iaitu keagamaan. Boleh jadi agama yang diajarkan selama ini hanya terbatas dari segi pengisian kecerdasan intelektual, tapi belum sampai membentuk mental-kognitif keagamaan. Mental-kognitif

bermaksud cara berfikir dengan asas agama yang mengajarkan bahawa manusia yang berjaya adalah manusia yang sentiasa hatinya mengukur segala sikap dan tingkah lakunya dalam mendapatkan keredhaan Tuhan Yang Maha Kuasa. Budaya materialistik yang selama ini menjadi motivasi utama setiap individu untuk mencapai kejayaan adalah racun untuk membina sahsiah belia untuk memangkin kemajuan negara dan agama. Keagamaan adalah perwakilan penting mental seseorang menghadapi pelbagai gejala negatif yang ada di persekitaran. Ini kerana, agama adalah suatu alat kawalan supernatural yang akan terus menyentuh titik spiritual manusia untuk membezakan mana yang baik dan mana yang buruk.

Selain itu, pola kehidupan sosial ibu bapa yang bekerja, dan terus mengabaikan hak-hak pendidikan anak-anak mereka adalah termasuk punca terbesar terjadinya simptom ini. Anak-anak yang diberi kemudahan sempurna oleh ibu bapa tanpa diberi pendidikan, apa lagi didikan agama di dalam rumah adalah penyebab mundurnya kawalan sendiri anak-anak. Telah banyak didapati dalam kajian bahawa ibu bapa yang bekerja yang mengabaikan hak pendidikan anaknya telah banyak melahirkan belia yang hanyut dalam gejala sosial terutama penyalahgunaan bahan.

Demikian pula dapatan kajian dalam Jadual 2 turut memberikan justifikasi penting tentang peranan agama dalam membanteras gejala penyalahgunaan bahan ini. Ini berdasarkan hubungan yang signifikan antara faktor agama dengan kesemua subskala alat pengukuran SASSI-2.

## KESIMPULAN DAN SARANAN

Penemuan penting dengan menggunakan pengukuran SASSI-2 adalah terletak pada kekuatan alat ini dapat menggambarkan arah atau kecenderungan tingkahlaku belia IPTA untuk terlibat dengan penyalahgunaan bahan. Kajian ini juga diharapkan sebagai pendorong untuk lebih mengutamakan aspek-aspek keagamaan sebagai asas mendidik sikap dan tingkahlaku manusia ke arah yang lebih cemerlang, khasnya belia sebagai tulang belakang dalam memajukan ketamadunan sesebuah negara.

Dapatan kajian ini mencadangkan program prevensi terapi spiritual mental-kognitif dan psiko-sosial terhadap subjek yang berada pada aras *Low probability particularly SAD* dan program intervensi terapi mental-kognitif dan psiko-sosial yang disertakan dengan terapi klinikal bio-fizikal dan bio-psikologikal bagi subjek yang berada pada tahap SAD dan SDD.

## RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). 2008. Laporan Dadah Januari Hingga Julai 2008. Agensi Anti Dadah Kebangsaan, AADK.
- Abdul Ghafar Taib. 1992. *Dadah pembunuh*. Jil.1. Kuala Lumpur: Delmu (m) Sdn. Bhd.
- Abdullah Al-Hadi Haji Muhammad & Iran Herman. 1992. *Penagihan dadah mengikut kaum: diri, keluarga dan persekutuan*. Malaysia: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Agensi Dadah Kebangsaan. t.th. *Garis panduan program pencegahan relapse*.
- Blau, T.H. 1994. *Psychological services for law enforcement*. New York: John Wiley & Sons.
- Brown, J.M. & Campbell, E.A. 1994. *Stress and policing: Sources and strategies*. New Dewan Balai Pustaka. 2000. Pustaka Dewan, Kuala Lumpur, Dewan Balai Pustaka
- Herrmann, D. Scott. 2001. An Experimental Validation Study of the SASSI: Predicting Alcohol Related Behavior in Law Enforcement Applicants *Journal of Police and Criminal Psychology*,. Volume 16, Number 2
- IPPBM. 2008. *Pengenalan Mengenai Dadah di Kalangan Generasi Muda*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. KBS.
- Kasmini Kassim, Teoh Hsien Jin, Lim Gaik Suan, Zaireeni Azmi. 2002. *Delinkuensi juvana: sebuah laporan kajian*. Kuala Lumpur: Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1983. *Mencegah salah guna dadah melalui kaunseling*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leslie, L. 2008. Alcohol and drug use among teenagers. *Canadian Medical Association Journal*. 178(2): 149.
- Mahmood Nazar Mohamed, Sabitha Marican, Nadiyah Elias & Yahya Don. 2005. *Profil dan faktor risiko pengguna dadah remaja: input*

*untuk program pendidikan pencegahan dadah. Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Muda: Realiti muda: melangkah ke hadapan, hlm. 31-49.*

Mahmood Nazar Mohamed. 2005. Pengantar psikologi: satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Miller, Glenn A. 1997. Adolescent Substance Abuse Subtle Screening Inventory - 2 (SASSI-A2), Bloomington, Indiana: The SASSI Institute.

Myerholtz, Linda & Rosenberg, Harold. 1998. Screening College Students for Alcohol Problems: Psychometric Assessment of the SASSI-2, *Journal of Studies on Alcohol*, Vol. 59.

Ruzita binti Mokhtar. 2004. Penyalahgunaan Dadah, <http://www.islam.gov.my/e-rujukan>.

Winters, K.C., Latimer, W.W & Stinchfield, R. (2002) Clinical issues in the assessment of adolescent alcohol and other drug use, *Behaviour Research and Therapy*, 40, 1443–1456.

#### PROFIL PENULIS:

##### **Khaidzir Hj. Ismail, Ph.D**

Prof. Madya

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia

Universiti Kebangsaan Malaysia

izay@ukm.my

##### **Khairil Anwar, M.A.**

Pelajar Siswazah

Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Eying74@yahoo.com

##### **Hanina H. Hamsan, Ph.D**

Pensyarah Kanan

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor

hanina@putra.upm.edu.my